SWEE BOON KING

lwn.

THONG TIN SING & 1 LAGI

MAKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HJ WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[GUAMAN SIVIL NO. S6-23-2-89]
9 JUN 1994

TORT: Kemalangan jalanraya - Tuntutan gantirugi - Tanggungan - Keterangan plaintif dan defendan mengenai bagaimana kemalangan berlaku berlainan - Keputusan Mahkamah mengenai tanggungan - Penilaian gantirugi - Gantirugi am dan gantirugi khas.

Plaintiff dalam kes ini telah tercedera apabila motosikal yang ditunggang olehnya berlanggar dengan sebuah motorvan yang dipandu oleh defendan pertama. Defendan kedua merupakan pemilik motorvan tersebut. Plaintif menuntut gantirugi daripada kedua-dua defendan dan mengatakan bahawa kemalangan tersebut berlaku disebabkan oleh kecuaian defendan pertama sepenuhnya.

Pihak defendan menafikan penyataan plaintif tersebut dan diantara lain mengatakan bahawa perlanggaran itu disebabkan oleh kecuaian plaintif dan/atau penyertaan kecuaian plaintif. Versi kemalangan yang diberikan oleh plaintif dan pihak defendan adalah berlainan sama sekali dan Peguam bagi kedu-dua pihak mengesyorkan Mahkamah merujuk kepada keterangan yang diberi oleh pegawai penyiasat.

Diputuskan:

[1] Catatan yang dibuat oleh pegawai penyiasat itu, terutamanya rajah kasar, tidak dapat dengan jelas membantu Mahkamah untuk mencapai keputusan bagaimana perlanggaran itu berlaku dan kedua-dua versi yang diberikan oleh plaintif dan defendan tidak benar dan tidak boleh diterima.

[2] Namun demikian, berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diberikan, adalah didapati bahawa perlanggaran itu berlaku semasa motosikal itu sedang melintang jalan atau menyerong ke kanan dan bahagian sudut sebelah kiri hadapan motorvan itu terkena pada bahagian tengah motosikal itu dan motosikal itu telah tumbang ke sebelah kirinya.

[3] Mengikut rajah kasar dan kesan-kesan yang terdapat di atas jalan di tempat kemalangan itu, adalah didapati bahawa perlanggaran itu berlaku di tengah lorong sebelah kiri menghala ke arah Taman Bolton membawa kepada garisan di tengah-tengah Jalan Manis. Dalam keadaan sedemikian, adalah didapati bahawa defendan pertama boleh dipertanggungkan sekadar 50% dan plaintif sendiri bertanggung sekadar 50% juga mengenai kemalangan dalam kes ini.

[4] Jumlah gantirugi am yang dipohon oleh plaintif untuk kecederaan quadraplegic dan kepatahan tulang peha sebelah kanan dengan kependekkan sebanyak 5.5 cm. iaitu jumlah bersih RM180,000 berdasarkan kepada 100% tanggungan adalah munasabah dan dibenarkan.

[5] Plaintif juga diberi 50% gantirugi khas termasuk kehilangan pendapatan, kos penjagaan, kehilangan caruman KWSP dan tambang untuk isteri melawatnya semasa dalam hospital yang berjumlah RM183,325 berdasarkan kepada 100% tanggungan.

[Perintah-perintah sewajarnya. Tiada perintah untuk kos dibayar oleh defendan].

Kes-kes yang dirujuk:

Siti Rahmah bt. Ibrahim v. Marapan a/l Nallan Kounder & Anor. [1989] 1CLJ 252 ***(dirujuk)***

Mohd. Safian bin Mat Yusoff v. Captain Yusof Tahmali bin Mohd. Dali & Anor.,(Civil Suit No. 83 of 1981, High Court, Ipoh) ***(dirujuk)***

Lee Ann v. Mohamad b. Zakaria [1986] 2 MLJ ccxi & ccxii ***(dirujuk)***

John s/o Netchumayah v. Marimuthu a/l Govindran [1985] 2 MLJ c1 ***(dirujuk)***

Mohamed Fami Hassan v. Swissco Pte. Ltd. Government of the Republic of Iraq (Iraq State Enterprise for Maritime Transport) - (Third Party) [1986] 1 MLJ 461 ***(dirujuk)***

Abdul Rahim v. Tam Tuck Meng & Anor. [1986] 2 MLJ cc1viii ***(dirujuk)***

Wong Fook @ Wong Fong & Anor. v. Abdul Shukur bin Abdul Halim & Anor. [1990] 2 CLJ 382 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Nuriati; T/n. R. K. Nathan
Bagi pihak defendan - S. Mohan; T/n. V.P. Nathan

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Wan Mohamed Bin Wan Mustapha H:

Dalam kes tuntutan gantirugi akibat kemalangan jalanraya ini, plaintif, Swee Boon King, telah tercedera apabila motosikal yang ditunggang olehnya berlanggar dengan sebuah motorvan yang dipandu oleh defendan pertama, Thong Tin Sing. Motorvan tersebut kepunyaan defendan kedua, Chin Yit Keng @ Chen Yit

Keng. Defendan pertama memandu motorvan itu dengan persetujuan atau atas arahan defendan kedua.

Plaintif dalam penyata tuntutannya mengatakan yang kemalangan/perlanggaran itu berlaku disebabkan oleh kecuaian defendan pertama sepenuhnya:

> The said collision was caused solely by the negligence of the first defendant ...

Pihak defendan menafikan penyataan pihak plaintif yang tersebut di atas dan di antara lain-lain mengatakan dalam pernyataan pembelaannya bahawa perlanggaran itu disebabkan oleh kecuaian plaintif dan/atau disebabkan oleh penyertaan kecuaian plaintif, penunggang motosikal yang berkenaan.

I. Tanggungan (Liability)

Mengenai tanggungan (liability), keterangan-keterangan seperti yang berikut telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Pada keseluruhannya, versi/cerita yang diberi oleh pihak plaintif adalah sangat berlainan daripada versi yang dikemukakan oleh pihak defendan.

Versi atau keterangan yang diberi oleh plaintif boleh diringkaskan seperti berikut:

> Plaintif menunggang motosikalnya di Jalan Manis, dari arah Taman Segar menghala ke arah Taman Bolton (iaitu dari arah Kajang menghala ke arah Kuala Lumpur). Jalan Manis ialah jalan susur yang selari dengan jalan Kuala Lumpur ke Kajang - lihat rajah kasar Exh. "PL. 1". Apabila sampai dekat dengan persimpangan Jalan Manis 2 (Dua) plaintif nampak sebuah motosikal yang nombornya tidak diketahui datang dari arah Kuala Lumpur di atas jalan besar Kuala Lumpur - Kajang dengan pantas/laju memasuki Jalan Manis 2 dan membuat pusingan 'U' menghala ke Taman Bolton. Untuk mengelak daripada berlanggar dengan motosikal tersebut, plaintif melayah (swerved) ke kanan dan pada masa itu beliau dilanggar oleh motorvan yang datang dari arah belakangnya. Plaintif telah terjatuh dan pengsan dan hanya sedar semasa ianya berada dalam hospital.

Keterangan pihak defendan pula boleh diringkaskan seperti berikut:

> Defendan pertama memandu motorvan yang berkenaan di atas Jalan Manis dari arah yang sama, iaitu dari arah Taman Segar menghala ke Taman Bolton. Apabila sampai dekat dengan persimpangan Jalan Manis 2 (Dua) defendan pertama nampak motosikal yang dipandu oleh plaintif berada di permukaan Jalan Manis 2 (Dua) di hadapan sebelah kirinya menghala ke arah motorvannya. Motosikal itu tanpa berhenti di simpang Jalan Manis 2 terus mara dan melanggar motorvan yang dipandu olehnya (defendan pertama). Topi keledar yang dipakai oleh plaintif terpelanting dan terkena kepada cermin besar depan motorvan itu dan jatuh ke dalam motorvan itu. Semasa perlanggaran itu berlaku, defendan pertama membelok ke kanan cuba mengelak daripada perlanggaran dengan motosikal itu tetapi tidak berjaya. Plaintif terpelanting dan jatuh di kanan dan hadapan daripada motorvan itu. Motosikal yang ditunggang oleh plaintif telah rebah dan tersangkut di bawah motorvan, iaitu di sebelah kiri hadapan motorvan itu. Semasa itu defendan pertama ada membawa seorang penumpang (Saksi defendan No. 2) yang duduk di bahagian hadapan dan di sebelah defendan pertama.

Saksi defenden No. 2, penumpang motorvan yang berkenaan dalam keterangannya berkata bahawa sejurus sebelum kemalangan berlaku beliau sedang menyemak bil-bil barang yang telah dibeli olehnya. Beliau terasa motorvan itu dibrek atau diperlahankan. Beliau dongak atau memandang ke hadapan dan nampak motosikal yang datang dari arah kiri hadapannya telah hampir dengan motorvannya, iaitu kira-kira 5 kaki sahaja, dan perlanggaranpun berlaku. Beliau (saksi defendan No. 2) meneruskan keterangannya dengan mengatakan bahawa motosikal itu melanggar di sudut depan sebelah kiri motorvan itu. Topi keledar yang dipakai oleh penunggang motosikal itu terpelanting dan terkena pada cermin besar depan motorvan itu dan topi keledar itu jatuh di dalam motorvan itu.

Hujah peguam-peguam pihak defendan dan plaintif

Peguam pihak defendan dan Peguam pihak plaintif, dalam penghujahan bertulis mereka, masing-masing membuat ringkasan mengenai keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Tiap-tiap pihak (plaintif dan defendan) telah memberi versi/cerita yang berlainan di antara satu sama lain. Peguam

kedua-dua pihak mengesyorkan supaya Mahkamah melihat dan memeriksa keterangan-keterangan yang tidak memihak kepada mana-mana pihak, iaitu supaya Mahkamah merujuk kepada keterangan yang diberi oleh pegawai penyiasat (saksi plaintif No. 1), terutamanya kerosakan-kerosakan yang terdapat pada motosikal yang ditunggang oleh plaintif dan motorvan yang dipandu oleh defendan pertama serta kesan-kesan yang terdapat di atas jalan mengikut catatan yang dibuat oleh pegawai penyiasat itu.

Pendapat Mahkamah

Malangnya catatan yang dibuat oleh pegawai penyiasat itu, terutamanya rajah kasar, tidak dapat dengan jelas membantu Mahkamah untuk mencapai keputusan (conclusion) bagaimana perlanggaran itu berlaku.

Kesan-kesan di atas jalan tempat kemalangan dan kerosakkan-kerosakkan ke atas kenderaan-kenderaan yang berkenaan tidak menunjukkan samada versi yang diberi oleh plaintif ataupun versi yang diberi oleh defendan pertama benar. Kedua-dua versi tidak benar dan tidak boleh diterima. Melihat kepada kerosakkan kepada motosikal (lihat gambar-gambar Exh. "PL. 2A" dan "PL. 2B") adalah nyata yang motosikal itu tidak dilanggar dari belakang sebagaimana yang dikatakan oleh plaintif. Adalah juga didapati tidak benar yang motosikal itu melanggar motorvan itu dari arah depan sebelah kiri motorvan itu. Sedikit kerosakkan di bahagian depan motosikal itu tidak menunjukkan yang motosikal itu melanggar motorvan itu dari hadapan sebelah kiri motorvan itu. Jika motosikal itu datang menghala ke arah motorvan itu dan melanggar motorvan, sebagaimana yang dikatakan oleh defendan pertama dan saksi defendan No. 2, nescaya bahagian hadapan motosikal itu menjadi remuk dan roda hadapannya menjadi bengkok atau berlipat dan mendapat kerosakkan yang teruk.

Sebaliknya, Mahkamah dapati bahawa perlanggaran itu berlaku semasa motosikal itu sedang melintang jalan atau menyerong ke kanan dan bahagian sudut sebelah kiri hadapan motorvan itu terkena pada bahagian tengah motosikal itu dan motosikal itu telah tumbamg ke sebelah kirinya. Pendapat Mahkamah ini berdasar kepada:

(1) Kerosakkan yang didapati ke atas motorvan dan motosikal yang berkenaan sebagaimana yang dicatit dan dinyatakan oleh Pegawai Penyiasat (saksi plaintif No.1). Kerosakkan-kerosakkan motosikal itu ialah:

(i) Penutup beteri di sebelah kanan motosikal itu pecah.

(ii) Fender (pelindung kaki) sebelah kanan terkoyak.

(iii) Roda belakang bengkok ke kiri (dari kanan ke kiri). Begitu juga madgad belakang.

(iv) Fork depan sebelah kanan lekok di tengah-tengah.

(v) Lain-lain kerosakkan di sebelah kiri motosikal adalah akibat daripada motosikal itu rebah sebelah kiri dan tersangkut di bawah sudut depan sebelah kiri motorvan itu.

dan

(2) Akibat daripada perlanggaran yang berkenaan plaintif telah mengalami kepatahan kepada tulang peha (femur) sebelah kanan.

Mengikut rajah kasar dan kesan-kesan yang terdapat di atas jalan di tempat kemalangan itu, Mahkamah dapati perlanggaran itu berlaku di tengah lorong sebelah kiri menghala ke arah Taman Bolton membawa kepada garisan di tengah-tengah Jalan Manis.

Dalam keadaan dan sebab-sebab yang tersebut di atas Mahkamah dapati bahawa defendan pertama boleh dipertanggungkan sekadar 50% dan plaintif sendiri bertanggungan sekadar 50% juga mengenai kemalangan dalam kes ini.

II. Kuantum (Penilaian Gantirugi)

(A) Gantirugi Am

Plaintif telah mengalami kecederaan seperti berikut akibat daripada kemalangan yang tersebut di atas.

(i) Quadraplegic: Plaintif tidak dapat menggunakan semua kaki dan tangannya, kehilangan pundi air kencing, tidak boleh mengawal air besar dan air kecil dan terpaksa menggunakan kondom.

(ii) Kepatahan tulang peha (femur) sebelah kanan dengan kependekkan sepanjang 5.5cm.

Untu kedua-dua ini plaintif memohon RM200,000 dengan pertindehan sebanyak

RM20,000 iaitu jumlah bersih RM180,000 berdasarkan kepada 100% tanggungan.

Peguam pihak defendan memohon jumlah gantirugi am ini ditaksirkan sebanyak RM155,250.

Mahkamah dapati jumlah yang dipohonkan oleh pihak plaintif adalah munasabah. Oleh itu Makamah memutuskan bahawa gantirugi am ditetapkan sebanyak RM180,000.

Kes-kes yang dirujukkan oleh pihak defendan ialah:

(i) *Siti Rahmah bt. Ibrahim v. Marapan a/l Nallan Kounder & Anor.* [1989] 1 CLJ 252;
(ii) *Mohd. Safian bin Mat Yusoff v. Captain Yusoff Tahmali bin Mohd. Dali & Anor.* (Civil Suit No. 83 of 1981, High Court, Ipoh);
(iii) *Lee Ann v. Mohamad b. Zakaria* [1986] 2 MLJ ccxi & ccxii.

Manakala pihak plaintif merujuk kepada kes:

(i) *John s/o Netchumayah v. Marimuthu a/l Govindran* [1985] 2 MLJ c1;
(ii) *Mohamed Fami Hassan v. Swissco Pte. Ltd. Government of the Republic of Iraq (Iraq State Enterprise for Maritime Transport) - (Third Party)* [1986] 1 MLJ 461;
(iii) *Abdul Rahim v. Tam Tuck Meng & Anor.* [1986] 2 MLJ cc1viii;
(iv) *Wong Fook @ Wong Fong & Anor. v. Abdul Shukur bin Abdul Halim & Anor.* [1990] 2 CLJ 382.

(B) Gantirugi Khas

(1) Kehilangan pendapatan:

Plaintif berumur hampir 30 tahun pada masa kemalangan berlaku. Oleh itu beliau mempunyai baki tahun bekerja selama 16 tahun mengikut undang-undang. Mahkamah dapati sungguhpun gaji plaintif ialah RM750 sebulan perbelanjaan untuk dirinya ialah sebanyak RM250. Oleh itu pendapatan bersihnya ialah RM500 sebulan.

16 tahun x 12 x RM500 = RM96,000. Daripada RM96,000, perlu ditolak gaji yang diterima oleh plaintif selepas kemalangan sebanyak RM3,750. Oleh itu kehilangan pendapatan bersih ialah RM92,250.

(2) Kos Penjagaan:

Plaintif tidak dapat menjaga kebersihan diri oleh kerana lumpuh akibat daripada kecederaan yang dialami dalam kemalangan yang berkenaan. Beliau terpaksa memakai seorang pembantu. Untuk menggaji seorang pembantu menjaga kebersihan plaintif dan untuk membeli peralatan atau barang-barang yang diperlukan, peruntukan sebanyak RM400 sebulan adalah munasabah. RM400 x 12 bulan x 16 tahun = RM76,800.

(3) Kehilangan Caruman Employees' Provident Fund (EPF) ialah sebanyak RM63.77 sebulan. RM63.77 x 12 x 16 tahun = RM12,243.84 (RM12,240).

(4) Tambang untuk isteri melawat plaintif semasa dalam hospital selama 69 hari - RM15 sehari x 69 = RM1,035.

Jumlah Gantirugi Khas ialah sebanyak RM183,325.

Daripada jumlah Gantirugi Am dan Khas, defendan hanya dikehendaki membayar 50% dengan faedah di atas kadar 8% setahun mengenai Gantirugi Am mulai tarikh peryerahan writ saman kepada defendan sehingga tarikh pembayaran; faedah di atas kadar 4% setahun mengenai jumlah $^1/_2$ x RM1,035 (RM517.50) mulai tarikh kemalangan hingga tarikh hukuman; dan 8% setahun mulai tarikh hukuman hingga tarikh pembayaran.

Dalam kes ini defendan tidak diperintahkan membayar kos oleh kerana plaintif telah melampaui dalam pernyataan tuntutannya dengan mengatakan bahawa defendan telah bertanggungan sepenuhnya mengenai kemalangan yang berkenaan.